

17/11/2000

Pendidikan berterusan demi lindungi alam sekitar

SUNGAI Thames di London dan Sungai Seine di Paris adalah contoh sungai yang boleh dikomersialkan sebagai tarikan pelancong dengan keindahan pemandangan serta pusat riadahnya. Mengambil contoh daripada kejayaan projek berkenaan, usaha pengindahan turut dilakukan di Sungai Sarawak di Kuching. Masalahnya tidak banyak sungai yang berpotensi dimajukan untuk membawa pulangan ekonomi apabila dilaporkan 100 daripada 130 sungai di negara ini sedang mengalami ancaman yang teruk disebabkan pencemaran. Baru-baru ini, pelancong asing yang menggunakan perkhidmatan bot menyusuri Sungai Melaka turut merungut kerana berasa tertipu dengan tahap kekotoran dan pencemaran sungai berkenaan berbanding dengan yang digambarkan dalam pelbagai risalah.

Menurut Laporan Kualiti Alam Sekitar 1998, 43 peratus sungai di negara ini dicemari nitrogen ammonia oleh penternak haiwan serta sisa pembuangan domestik, 34 peratus sungai tercemar hasil bahan buangan kerja tanah dan kegiatan melapangkan kawasan manakala 21 peratus sungai lagi dikotori pembuangan industri berasaskan pertanian dan pembuatan. Laporan Kualiti Kehidupan Rakyat Malaysia 1999 pula menunjukkan kualiti air sungai menurun daripada 55.8 peratus pada 1985 kepada 27.5 peratus pada 1998. Dalam bahasa mudah, kebanyakan sungai di negara ini memang teruk tercemar.

Pembersihan sungai memerlukan perbelanjaan besar. Sejauh ini, kira-kira RM4 bilion dibelanjakan untuk membersihkan, melebar dan mendalamkan sungai bagi tebatan banjir - satu jumlah besar yang boleh dimanfaatkan untuk pelbagai projek lain sekiranya rakyat Malaysia tidak menjadikan sungai sebagai tempat pembuangan sampah sewenang-wenangnya yang memerlukan kira-kira 600 lori setiap hari untuk mengalihkannya. Pencemaran disebabkan hakisan tanah berikutan kegiatan pembalakan, pembinaan kilang dan setinggan di pinggir sungai, pembuangan sisa pepejal tidak terkawal serta kegiatan pertanian memang amat memalukan. Tepat sebagaimana dirumuskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika melancarkan Kempen Cintailah Sungai Kita peringkat kebangsaan di Ampang Jajar, Alor Star, Jumaat lalu, mereka yang mengotori sungai adalah golongan yang tidak sayangkan pusaka kurniaan Tuhan yang akhirnya akan menyebabkan banyak kerugian dan kemusnahan.

Sungai adalah sumber alam semula jadi yang penting bukan saja sebagai bekalan air bersih dan hidupan air tawar tetapi juga dari sudut pelancongan. Sekalipun pelbagai kempen dijalankan sejak 1992, masyarakat nampaknya masih kurang peka. Masalah ini hanya boleh diselesaikan di peringkat punca utamanya, iaitu kesedaran manusia. Justeru, pendidikan berkenaan persekitaran juga perlu dititikberatkan sebagai strategi jangka panjang untuk meningkatkan kesedaran ramai mengenai kepentingan melindungi alam sekitar. Adalah tidak adil bagi sesetengah rakyat terpaksa membayar cukai bagi membiayai kerja pembersihan sedangkan sebahagian yang lain masih terus mencemarkan sungai.

(END)